

Bomba terpaksa gunakan helikopter keluarkan mayat mangsa dari Royal Belum Lelaki 120kg maut redah hutan

Oleh MUHAMAD TARMIZE MOHD. NOR

GERIK – Hasrat seorang lelaki yang mempunyai berat badan melebihi 120 kilogram (kg) untuk melakukan aktiviti memancing bersama 27 lagi rakannya tidak kesampaian apabila dia maut ketika meredah hutan ke lokasi memancing di Sungai Ketir, Royal Belum di sini malam kelmarin.

Mangsa, Ahirazwin Abd. Ghani, 33, dilaporkan meninggal dunia kira-kira pukul 8 malam, namun maklumat mengenai kejadian itu hanya diketahui pihak berkuasa pada pagi semalam.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Gerik, Azizul Aswad Asaris berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada pukul 9.30 pagi sebelum sepasukan anggota bergegas ke tempat kejadian.

“Kesemua 28 pemancing itu mahu memancing di sebuah



MAYAT mangsa berjaya dibawa keluar dari hutan Royal Belum menggunakan helikopter Agusta AW139 milik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

sungai sebelum kumpulan yang disertai mangsa berhenti di Sungai Ketir disebabkan keadaan cuaca yang telah gelap.

“Mangsa dikatakan bersandar pada sebatang pokok sebelum dia secara tiba-tiba rebah pada pukul 8.30 malam,” katanya di sini semalam.

Jelas beliau, rakan mangsa

pula tidak dapat memaklumkan kejadian tersebut kepada pihak berkuasa disebabkan tiada liputan komunikasi di kawasan berkenaan.

Tambah Azizul Aswad, pihaknya berdepan kesukaran untuk ke tempat kejadian dalam kadar segera memandangkan jarak perjalanan yang begitu jauh.



MANGSA yang mempunyai berat badan melebihi 120kg dilaporkan rebah ketika sedang berehat di kawasan Sungai Ketir kelmarin.

Jelasnya, perjalanan darat ke lokasi yang menempatkan mangsa memerlukan dua jam dengan menaiki bot dan enam jam lagi merentas hutan tebal.

“Operasi mengeluarkan mangsa melalui jalan darat mengalami kesukaran dan sebab itu kami perlukan bantuan unit udara.

“Kami akhirnya menggunakan

pesawat Agusta AW139 yang diterbangkan khas dari Unit Udara Pangkalan Bertam, Pulau Pinang,” katanya.

Ujarnya lagi, mangsa berjaya dibawa keluar dan tiba di Lapangan Terbang Gerik kira-kira pukul 3.33 petang sebelum mayatnya diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.